Fiqh al-Bi'ah dalam Perspektif al-Quran

[*Fiqh al-Bi'ah* in Quranic Perspectives]

BITARA
Volume 9, Issue 2, 2026: 287-295
© The Author(s) 2026
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 18 April 2026
Accepted: 30 May 2026
Published: 30 June 2026

Azhar Jaafar,[1*] Norazman Lot,[1] Ahmad Syahid Azalan,[1] Siti Jamilah Mohd Sukri,[1] Nawaj Nazri,[1] Khairul Anam Yazid[2] & Mu'az Zakaria[2]

1 UCYP University, Tingkat 2, Kompleks Yayasan Pahang, Jalan Tanjung Lumpur, Kampung Anak Air, 26060 Kuantan, Pahang, Malaysia
2 Institut Ilmu Darul Makmur, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) Lot 2-13, Mahkota Square, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang

*Corresponding Author: azhar@ucyp.edu.my

Abstrak

Krisis alam sekitar global yang semakin serius pada hari ini sebahagian besarnya berpunca daripada eksploitasi manusia yang gagal memahami tanggungjawab mereka sebagai khalifah di muka bumi. Bertitik tolak daripada realiti ini, kajian bertujuan untuk memahami konsep *fiqh al-bi'ah* secara holistik melalui perspektif al-Quran. Pendekatan kualitatif berasaskan analisis kepustakaan digunakan dengan merujuk sumber primer dan sekunder, merangkumi al-Quran, kitab tafsir, karya fiqh klasik dan kontemporari, serta penulisan akademik yang berkaitan. Kajian mendapati bahawa *fiqh al-bi'ah* bukan sekadar perbahasan tentang hukum halal dan haram, tetapi merupakan disiplin etika terapan yang mengintegrasikan teologi, hukum, dan nilai kemanusiaan bagi membimbing manusia memelihara alam secara bertanggungjawab. Dari sudut maqasid syariah, penjagaan alam adalah kewajipan agama kerana kerosakan ekologi secara langsung mengancam lima perkara asas yang dilindungi syariah, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Selain itu, *ekoteologi* al-Quran menegaskan bahawa alam adalah tanda kekuasaan Allah (*ayat kauniyah*) dan manusia dipertanggungjawabkan untuk mengekalkan keseimbangan ekologi (mizan). Walau bagaimanapun, kajian turut mendapati bahawa *fiqh al-bi'ah* masih terhad pada peringkat wacana konseptual dan belum diterjemahkan secara sistematik ke dalam penguatkuasaan perundangan mahupun dasar awam. Kajian ini merumuskan bahawa penjagaan alam sekitar perlu dilihat sebagai amanah agama, dan *fiqh al-bi'ah* perlu diaplikasikan secara praktikal dalam dasar alam sekitar serta sistem pendidikan demi menjamin kelangsungan tamadun yang lestari bagi generasi akan datang.

Kata Kunci: *Fiqh al-Bi'ah*, Ekologi, Al-Quran, Alam Sekitar & *Maqasid al-Syari'ah.*

Abstract

The escalating global environmental crisis is largely driven by anthropogenic exploitation, rooted in humanity's failure to comprehend its responsibility as khilafah (stewards) on Earth.S Stemmed from this reality, the purpose of this study to analyse the concept of fiqh al-bi'ah (environmental jurisprudence) holistically through a Qur'anic lens. Employing a qualitative methodology grounded in library research, this study examines primary and secondary sources, encompassing the Qur'an, classical and contemporary tafsir (exegeses), traditional jurisprudential texts, and academic literature. The findings indicate that the discourse of fiqh al-bi'ah not only focusing on halal (permissible) and haram (prohibited) matters; rather, it constitutes an applied ethical discipline that integrates theology, jurisprudence, and humanistic values to guide responsible ecological stewardship. From the perspective of maqasid al-shari'ah (the higher objectives of Islamic law), environmental preservation is a crucial component in Islam as ecological degradation directly affected the five foundational necessities protected by Islamic law; faith, life, intellect, progeny, and property. Furthermore, Qur'anic ecotheology indicates that the natural world manifests ayat kauniyyah (cosmic signs of divine power), thereby obligating humanity to maintain ecological equilibrium (mizan). Nevertheless, the study reveals that fiqh al-bi'ah remains predominantly confined to conceptual and theoretical discourse, lacking systematic integration into statutory legislation and public policy. This study concludes that environmental conservation must be re-conceptualized as a divine trust (amanah).

Consequently, fiqh al-bi'ah must be pragmatically operationalized within environmental policies and national education systems to safeguard a sustainable civilization for future generations.

Keywords: *Fiqh al-Bi'ah*, Ecology, Al-Quran, Environment & *Maqasid al-Shari'ah*



This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:
Azhar Jaafar, Norazman Lot, Ahmad Syahid Azalan, Siti Jamilah Mohd Sukri, Nawaj Nazri, Khairul Anam Yazid & Mu'az Zakaria. (2026). Fiqh al-Bi'ah dalam Perspektif al-Quran [Fiqh al-Bi'ah in Quranic Perspectives]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 9(2): 287-295.

PENGENALAN

Agama telah memainkan peranan yang penting untuk mengawal tingkah laku manusia dalam mengurus dan memelihara alam sekitar. Setiap agama samawi yang berpandukan wahyu tidak pernah sama sekali membenarkan atau menggalakkan kerosakan di muka bumi. Bahkan, setiap agama menekankan prinsip kebajikan terhadap penjagaan alam sekitar yang diamanahkan daripada Allah SWT (Khan & Al-Mansoori, 2023). Pensyariatan ini jelas disebut di dalam Surah al-A'raf (7): 56: "Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di muka bumi setelah (Allah) memperbaikinya; dan berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut dan harapan. Sesungguhnya rahmat Allah sangat dekat kepada orang-orang yang berbuat kebaikan."

Ayat ini menjadi asas kepada prinsip *fiqh al-bi'ah* yang menegaskan bahawa kerosakan alam (*fasād*) adalah perbuatan tercela yang menyalahi prinsip keseimbangan alam yang diciptakan indah oleh Allah SWT. Manusia sebagai khalifah sentiasa berinteraksi dengan persekitarannya .Apabila berlaku perubahan terhadap sifat dan keseimbangan alam sekitar yang melebihi kemampuan seseorang manusia, sama ada disebabkan oleh faktor semula jadi atau perbuatan manusia itu sendiri, maka kelangsungan kehidupan manusia akan terancam. Dalam konteks ini, alam sekitar bukan sekadar latar kehidupan, tetapi merupakan sistem yang saling bergantung dengan kehidupan manusia (Abu Bakar et al., 2025) sebagaimana yang difahami dalam Surah al-Baqarah (2): 30: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi."

Ayat ini mengukuhkan hujah bahawa manusia berperanan sebagai khalifah untuk memakmurkan alam sekitar. Tidak benar tanggapan bahawa manusia berperanan sebagai penguasa yang berhak untuk mengeksploitasi alam sekitar tanpa panduan yang tepat.

Secara umumnya, alam sekitar merangkumi keseluruhan benda, daya, keadaan dan makhluk hidup yang wujud dalam ruang kehidupan manusia dan mempengaruhi kesejahteraannya (Odum & Barrett, 2005). Untuk tujuan analisis ilmiah, lingkungan hidup lazimnya difokuskan kepada biosfera yang merangkumi permukaan bumi, air dan atmosfera, iaitu ruang utama bagi kelangsungan kehidupan. Justeru, alam sekitar merangkumi manusia, tingkah lakunya serta seluruh komponen kehidupan yang saling mempengaruhi antara satu sama lain (Constanza et al., 1997).

Permasalahan alam sekitar yang dihadapi manusia hari ini secara umumnya berpunca daripada dua faktor utama. Pertama, perubahan semula jadi yang berlaku hasil proses alamiah. Kedua, campur tangan manusia terhadap alam sama ada melalui pembangunan terancang atau aktiviti tidak terkawal. Steffen, W., et al. (2007). Dalam konteks negara seperti Indonesia dan Malaysia, usaha memelihara kelestarian alam sekitar menuntut penglibatan semua pihak. Sebagai agama yang dianuti oleh majoriti penduduk, Islam menawarkan kerangka konseptual yang komprehensif dalam menangani isu-isu alam sekitar melalui disiplin yang dikenali sebagai *Fiqh al-Bi'ah*.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian merujuk kepada metodologi yang dipilih oleh pengkaji untuk mengkaji sesuatu kajian terutamanya dalam memahami sesebuah fenomena secara mendalam (Mohd Sukri, 2021). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis kepustakaan. Data dan maklumat diperoleh daripada sumber-sumber primer dan sekunder seperti al-Quran, kitab-kitab tafsir, karya fiqh klasik dan kontemporari serta penulisan akademik berkaitan isu ekologi dan pemikiran Islam. Pendekatan ini bertujuan untuk memahami konsep *fiqh al-bi'ah* secara holistik dalam perspektif al-Quran. Pendekatan kualitatif pula berupaya mendapatkan maklumat secara terperinci terutamanya dalam isu-isu yang kurang dibahaskan oleh penyelidik pada masa lalu (Waruwu, 2024).

FIQH AL-BI'AH DAN RUANG LINGKUP KAJIANNYA

Fiqh al-bi'ah ialah satu cabang fiqh moden yang membicarakan hubungan antara manusia dengan alam sekitar dalam bentuk undang-undang Islam. Daripada segi bahasa, fiqh bermaksud memahami sesuatu perkara dengan cara yang dalam, manakala al-bi'ah merujuk kepada tempat atau lingkungan yang mencakupi semua aspek kehidupan manusia (Abdillah, 2001). Dari segi istilah, fiqh adalah ilmu yang membincangkan hukum-hukum syarak yang bersifat amali, yang diambil daripada dalil-dalil yang jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah (Khallaf, 1978). Oleh itu, *fiqh al-bi'ah* boleh diertikan sebagai satu disiplin hukum Islam yang menguruskan tingkah laku manusia terhadap alam sekitar supaya memastikan kelestarian, keseimbangan dan kemaslahatan bagi kesemua orang di dunia.

Dalam Islam, *fiqh al-bi'ah* berfungsi sebagai panduan yang menentukan tanggungjawab manusia sebagai khalifah dalam menjaga keadaan alam serta mencegah apa-apa yang boleh menyebabkan kerosakan dan mengganggu kehidupan yang seimbang. Al-Quran dengan jelas melarang manusia melakukan pekerjaan yang merugikan bumi selepas Allah SWT menciptakannya dalam keadaan yang seimbang. Ini seperti yang dinyatakan dalam firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf, ayat 56, yang menekankan larangan untuk melakukan kerosakan di muka bumi setelah segala proses pembaikan dan keseimbangan telah tercapai. Ayat ini menjadi pegangan dalam hukum jual beli yang mewajibkan manusia menjaga keseimbangan alam dan mengelakkan memanfaatkan sumber daya alam secara berlebihan (Shihab, 2006).

Ruang lingkup *fiqh al-bi'ah* mencakupi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia yang berkaitan dengan cara mengurus dan memelihara alam sekitar. Antaranya ialah memastikan

penggunaan air secara betul, menjaga keadaan hutan dan tanah, mengawal pencemaran, melindungi haiwan, menguruskan sisa dengan baik, serta membangunkan secara lestari tanpa mengganggu keharmonian alam (Busriyanti, 2016). Dalam konteks ini, *fiqh al-bi'ah* tidak hanya membincangkan tentang hukum halal dan haram sahaja, tetapi juga melibatkan prinsip etika, tujuan-tujuan syariah, dan tanggungjawab masyarakat dalam memegang kesan terhadap alam sekitar.

Selain itu, konsep *fiqh al-bi'ah* juga berkait rapat dengan prinsip maqasid al-shari'ah yang menekankan pemeliharaan lima perkara asas, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Kerosakan alam sekitar secara langsung boleh mengganggu kelima-lima tujuan syariat, terutamanya dalam hal memelihara nyawa dan harta benda. Oleh itu, semua jenis pencemaran, pembalakan yang tidak sah, pencemaran air, dan kehilangan kepelbagaian hayati dianggap sebagai kesalahan terhadap hasrat syariah kerana ia menyebabkan keburukan kepada kehidupan manusia dan sistem ekosfer (Djazuli, 2006; Abdillah, 2002).

Al-Quran juga menyatakan bahawa manusia diciptakan untuk memakmurkan bumi, seperti yang terdapat dalam Surah Hud ayat 61, yang menegaskan bahawa manusia dijadikan sebagai *pemakmur* bumi (isti'*mar*). Ayat ini menjelaskan konsep dasar dalam teologi Islam yang menyatakan bahawa tujuan pembangunan dalam Islam bukanlah untuk memanfaatkan alam secara tidak bertanggungjawab, tetapi untuk menjaga dan mengurusinya dengan baik serta bertanggungjawab. Pada masa yang sama, ayat 77 dalam Surah al-Qasas menegaskan larangan untuk melakukan kerosakan di bumi, yang menunjukkan bahawa setiap aktiviti ekonomi dan pembangunan mestilah dijalankan dengan mengikut etika syariah dan prinsip keadilan alam (Shihab, 2006).

Secara keseluruhannya, *fiqh al-bi'ah* melihat hubungan antara manusia dengan alam sebagai satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Alam bukan hanya benda-benda fizikal yang boleh digunakan secara bebas, tetapi merupakan sesuatu yang diberikan oleh Allah SWT yang perlu dijaga dan dipelihara dengan baik. Justeru itu, *fiqh al-bi'ah* bertindak sebagai kerangka hukum dan etika yang mengarahkan manusia dalam memelihara alam secara berterusan dan bertanggung jawab, sejalan dengan kehendak syariah dan tujuan-tujuan syari'ah (Qaradawi, 2001; Busriyanti, 2016).

PRINSIP TEOLOGI AL-QURAN DALAM PENGURUSAN ALAM

1. *Fiqh al-Bi'ah* Sebagai Etika Persekitaran Islam

Fiqh al-bi'ah merujuk kepada disiplin hukum Islam yang mengatur hubungan manusia dengan alam sekitar berdasarkan prinsip syariah. Konsep ini melibatkan interpretasi dalil al-Quran dan Sunnah yang memberi penekanan kepada pemeliharaan alam, larangan terhadap kerosakan (*ifsaad*), serta tanggungjawab manusia sebagai khalifah (*istikhlaaf*) atas bumi (Abu-Rayash & Sabbah, 2025). Dalam kerangka epistemologi Islam, *fiqh al-bi'ah* bukan sekadar satu cabang fiqh yang bersifat normatif, tetapi turut berkembang sebagai satu disiplin etika terapan (*applied ethical framework*) yang mengintegrasikan dimensi teologi, hukum dan kemanusiaan dalam menangani isu-isu alam sekitar secara holistik seperti mana yang disebutSurah Ali 'Imran (3): 190–191: "Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi dan pergantian malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, (iaitu) orang-orang yang mengingati Allah

sambil berdiri, duduk dan berbaring serta memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): 'Wahai Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan semua ini dengan sia-sia…'"

Ayat ini sangat kuat untuk mengaitkan tafakur, iman dan etika alam sekitar dalam kerangka akademik. Secara konseptual, ayat ini menegaskan bahawa aktiviti *tafakur* terhadap alam merupakan asas kepada pembentukan kesedaran *ekologikal* yang berteraskan iman, sekali gus membentuk asas kepada *spiritual ecology* dalam tradisi Islam.

Dalam pandangan al-Quran, alam bukan sekadar objek untuk dimanfaatkan secara *eksploitatif*, tetapi merupakan ayat yang mengandungi tanda kekuasaan dan hikmah Ilahi yang harus direnungi dan dihormati oleh manusia (QS. Adz-Dzariyat: 20; QS. Al-Imran: 190-191; QS. Yunus: 6). Oleh itu, eksploitasi alam secara tidak terkawal dilihat sebagai penyimpangan daripada fungsi asal manusia sebagai khalifah yang bertanggungjawab memakmurkan bumi (*'imarah al-ardh*) secara beretika.

Walaupun ramai sarjana seperti Abu-Rayash & Sabbah (2025) menegaskan *fiqh al-bi'ah* sebagai kerangka normatif yang mencukupi, terdapat kecenderungan dalam literatur semasa untuk mengekalkan perbahasan pada tahap konseptual tanpa diterjemahkan kepada mekanisme operasional. Sebaliknya, sebahagian sarjana kontemporari seperti Foltz (2019) dan Nasr (2003) menekankan dimensi metafizik dan spiritual sebagai teras hubungan manusia–alam, namun kurang memberikan model praktikal dalam konteks tadbir urus moden. Jurang ini menunjukkan keperluan untuk mengintegrasikan pendekatan normatif fiqh dengan kerangka polisi dan pengurusan alam sekitar yang lebih *aplikatif*, khususnya dalam konteks negara membangun. Selain itu, terdapat juga kritikan bahawa penggunaan konsep khalifah sering disalah tafsir sebagai legitimasi dominasi manusia terhadap alam, sedangkan tafsiran yang lebih tepat menuntut amanah dan tanggungjawab etika yang tinggi.

Maqasid Syariah dan Kelestarian Alam

Maqasid syariah menyediakan kerangka normatif yang menghubungkan tujuan syariat dengan kesejahteraan sejagat, termasuk pemeliharaan alam sebagai bagian daripada tujuan syariat untuk melindungi nyawa (*hifz al-nafs*), harta (*hifz al-maal*), akal (*hifz al-aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan agama (*hifz al-din*). Dalam konteks kontemporari, pendekatan maqasid ini semakin dilihat sebagai asas penting dalam merangka polisi kelestarian dan pembangunan mampan yang berteraskan nilai Islam. Surah al-Furqan (25): 2: Dan Dia menciptakan segala sesuatu, lalu menetapkan ukuran-ukurannya dengan serapi-rapinya. Ayat ini digunakan untuk hujah bahawa alam mempunyai hukum dan had, dan pelanggaran terhadapnya membawa implikasi bencana. Secara *analitikal*, konsep "ukuran" (*taqdir*) ini boleh ditafsirkan sebagai prinsip keseimbangan ekologi (*ecological equilibrium*) yang perlu dipelihara dalam setiap bentuk interaksi manusia dengan alam.

Surah al-Rum (30): 41: Telah nyata kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar). Ayat ini sangat relevan secara akademik untuk menghubungkan krisis ekologi dengan tindakan manusia moden. Ia memberikan justifikasi *teologikal* bahawa *degradasi* alam sekitar adalah hasil langsung daripada ketidakseimbangan moral dan tindakan manusia yang melampaui batas (*transgression* terhadap

hukum alam). Pemahaman maqasid ini merangsang umat Islam agar mengintegrasikan nilai-nilai kelestarian dalam setiap aspek kehidupan termasuk pengurusan sumber semula jadi (Hamdi et al., 2025). Hal ini sekali gus mengukuhkan bahawa kelestarian bukan sekadar agenda teknikal, tetapi merupakan tuntutan syariah yang bersifat menyeluruh (*comprehensive religious obligation*).

Sebahagian besar literatur seperti Kamali (2015) dan Auda (2008) telah memperluas aplikasi maqasid syariah ke dalam bidang pembangunan mampan. Namun, terdapat perbezaan pendekatan antara sarjana yang melihat maqasid sebagai kerangka fleksibel (*dynamic framework*) dengan mereka yang mengekalkannya dalam struktur klasik yang statik. Kritikan utama ialah kecenderungan sebahagian kajian untuk mengaitkan semua isu alam sekitar secara umum dengan maqasid tanpa memperincikan *indikator* empirikal atau ukuran keberkesanan. Tambahan pula, literatur Barat mengenai *sustainable development* sering menekankan pendekatan sekular dan antropocentric, berbeza dengan pendekatan maqasid yang bersifat *theocentric*. Jurang epistemologi ini memerlukan satu model *integratif* yang mampu *menjembatani* antara nilai wahyu dan keperluan saintifik moden.

Peranan *Quranic Ecotheology* dalam Kajian Kontemporari

Ekoteologi al-Quran menegaskan bahawa ayat-ayat *kauniyah* (fenomena alam) merupakan bukti kekuasaan dan kebijaksanaan Allah SWT, yang turut memberi aspirasi kepada etika konservasi dan tanggungjawab moral terhadap alam. Dalam kerangka akademik semasa, pendekatan ini dikenali sebagai *Quranic Ecotheology*, yang menggabungkan dimensi tafsir, teologi dan sains sosial dalam memahami hubungan manusia dan alam. Surah al-Dzariyat (51): 20–21: Dan di bumi itu terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang yakin, dan juga pada dirimu sendiri. Maka apakah kamu tidak memperhatikan? Ayat ini menyokong hujah *eko-teologi* al-Quran bahawa alam ialah medium pengenalan Tuhan. Ia memperkukuhkan konsep bahawa refleksi terhadap alam bukan sahaja menghasilkan kesedaran saintifik, tetapi juga kesedaran ketuhanan (*theocentric awareness*).

Surah al-Rahman (55): 7–9: Dan Allah telah meninggikan langit dan Dia meletakkan neraca (keseimbangan), supaya kamu tidak melampaui batas dalam neraca itu. Dan tegakkanlah keseimbangan itu dengan adil dan janganlah kamu mengurangi neraca itu. Ayat ini sesuai diletakkan dalam perbahasan kelestarian, pembangunan mampan dan keadilan ekologi. Konsep *mizan* (keseimbangan) yang diketengahkan dalam ayat ini menjadi asas kepada prinsip keadilan ekologi (*ecological justice*) dan pengurusan sumber secara lestari.

Kajian kontemporari menunjukkan bahawa tafsir *tematik* terhadap ayat-ayat ini dapat dijadikan rujukan dalam pendidikan, dasar dan amalan mampan (Darul Huda, 2025; Abu Bakar et al., 2025). Ini menunjukkan bahawa *ekoteologi* al-Quran mempunyai potensi besar untuk diinstitusikan dalam kerangka polisi awam dan kurikulum pendidikan.

Walaupun konsep *Quranic Ecotheology* semakin mendapat perhatian, sebahagian kajian masih bersifat deskriptif dan kurang mengemukakan kerangka metodologi yang jelas. Sarjana seperti Fazlun Khalid menekankan aktivisme dan pendidikan komuniti, manakala yang lain lebih cenderung kepada analisis teks semata-mata. Perbezaan ini menunjukkan ketidakseimbangan antara teori dan amalan. Selain itu, terdapat kecenderungan dalam *literatur* global untuk mengasimilasikan *ekoteologi* Islam ke dalam kerangka ekologi Barat tanpa

mengambil kira keunikan epistemologi Islam. Oleh itu, diperlukan pendekatan yang lebih autentik dan berakar pada tradisi tafsir Islam, di samping bersifat responsif terhadap cabaran global.

Cabaran dan Implikasi Moden

Dalam era perubahan iklim, *polusi* dan pembangunan lestari, konsep *fiqh al-bi'ah* perlu diperkaya dengan pendekatan antara disiplin serta dialihkan kepada tindakan nyata di peringkat institusi, pendidikan dan dasar awam. Pendekatan ini menuntut integrasi antara ilmu wahyu dan ilmu empirikal bagi menghasilkan model pengurusan alam yang lebih berkesan dan kontekstual. Surah al-Qamar (54): 49: Sesungguhnya Kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran. Ayat ini menyokong konsep keseimbangan kosmik dalam *fiqh al-bi'ah*. Ia menegaskan bahawa setiap unsur dalam alam beroperasi dalam sistem yang teratur dan seimbang, yang tidak boleh diganggu tanpa implikasi terhadap kestabilan keseluruhan ekosistem.

Integrasi nilai-nilai keislaman dalam pengurusan persekitaran memberi peluang unik kepada negara-negara Islam untuk menerajui model pembangunan yang adil dan mesra alam (Khan & Al-Mansoori, 2023; Hamdi et al., 2025). Dalam konteks ini, *fiqh al-bi'ah* berpotensi menjadi asas kepada pembentukan dasar awam yang berteraskan nilai, sekali gus menyumbang kepada pembangunan mampan yang beridentitikan Islam dan relevan dengan cabaran global semasa.

Literatur semasa menunjukkan peningkatan minat terhadap integrasi nilai Islam dalam dasar alam sekitar, namun pelaksanaannya masih berhadapan dengan pelbagai cabaran struktural dan politik. Kajian oleh Khan & Al-Mansoori (2023) menunjukkan bahawa banyak negara Islam masih bergantung kepada model pembangunan konvensional yang berorientasikan pertumbuhan ekonomi semata-mata. Selain itu, terdapat jurang antara wacana akademik dan pelaksanaan dasar, di mana konsep *fiqh al-bi'ah* belum diterjemahkan secara sistematik dalam bentuk perundangan atau garis panduan operasi. Justeru, cabaran utama bukan lagi pada tahap konseptual, tetapi pada tahap *institusionalisasi* dan penguatkuasaan, yang memerlukan komitmen politik, kesedaran masyarakat, dan kerjasama antara disiplin yang lebih kukuh.

KESIMPULAN

Al-Quran amat menekankan bahawa penjagaan alam sekitar merupakan amanah agama dan tanggungjawab moral setiap insan. Hubungan kita dengan alam semula jadi bukanlah untuk memusnahkan atau mengambil kesempatan, tetapi mesti sentiasa berteraskan nilai amanah, keadilan, dan keseimbangan ekosistem. Bertitik tolak daripada asas ini, konsep *fiqh al-bi'ah* diketengahkan sebagai satu panduan fiqh masa kini. Ia berfungsi menggariskan prinsip, hukum, dan nilai etika yang jelas agar kita dapat menyelesaikan isu-isu persekitaran secara holistik. Usaha pemeliharaan alam sekitar pada asasnya bermatlamat untuk merealisasikan kemaslahatan dan mencegah kemudaratan, bertepatan dengan prinsip maqasid syariah. Dalam konteks ini, *fiqh al-bi'ah* berfungsi sebagai sebuah disiplin fiqh kontemporari yang menyediakan kerangka normatif dan etika bagi menangani pelbagai isu persekitaran,

berpandukan sumber utama Islam iaitu al-Quran dan hadis. Konsep ini jelas membuktikan bahawa penjagaan alam sekitar bukanlah sekadar tanggungjawab sosial biasa, sebaliknya ia merupakan satu amanah suci agama yang wajib dihayati dan diamalkan secara holistik. Oleh yang demikian, kajian lanjutan berhubung aplikasi *fiqh al-bi'ah* dalam pembentukan dasar persekitaran, sistem pendidikan, dan perancangan pembangunan lestari amat mendesak bagi mendepani cabaran krisis ekologi abad ke-21 dengan lebih efektif. Justeru, *fiqh al-bi'ah* tidak wajar sekadar menjadi wacana teori semata-mata, sebaliknya ia merupakan satu keperluan mendesak bagi membangunkan sebuah tamadun yang lestari, beretika, serta memikul penuh rasa tanggungjawab terhadap kelangsungan hidup generasi akan datang.

PENGHARGAAN

Kumpulan penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Ilmu Darul Makmur, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) atas pemerkasaan Fiqh al-Watan di negeri Pahang dan tajaan geran penyelidikan bertajuk *"Fiqh al-Biah: Gabungjalin Ekonomi dan Teknologi Bermatlamatkan Kelestarian Alam Sekitar Negeri Pahang"*.

RUJUKAN

Abdillah Mujiono, 2002, *Fikih Lingkungan: Panduan Spriritual Hidup Berwawasan Lingkungan,* Yogyakarta:YKPN Press, 2002

Abdillah, M. (2001). Agama ramah lingkungan: Perspektif al-Qur'an. Jakarta: Paramadina.

Abdillah, M. (2002). Fikih lingkungan: Panduan spiritual hidup berwawasan lingkungan. Yogyakarta: YKPN Press.

Abdillah, Mujiyono, 2001, *Agama Ramah Lingkungan: Perspektif al-Quran* Jakarta: Paramadina.

Abu Bakar, S., Hussin, H., Rozani, M. A. S., & Ahmad, Z. A. S. (2025). Environmental ethics in the Qur'an: A thematic analysis of conservation and stewardship. *Global Journal Al-Thaqafah*. https://doi.org/10.7187/GJATSI122025-3

Abu-Rayash, A., & Sabbah, E. (2025). Analysis of environmental sustainability in the Holy Quran: Maqasid framework. *Journal of Contemporary Maqasid Studies*. https://doi.org/10.52100/jcms.v2i1.96

Auda, Jasser (2008). *Maqasid al-Shariah as philosophy of Islamic law: A systems approach*. International Institute of Islamic Thought (IIIT).

Busriyanti, B. (2016). Islam dan lingkungan hidup: Studi terhadap *fiqh al-bi'ah* sebagai solusi pelestarian ekosistem dalam perspektif maqashid al-syari'ah. *Fenomena*. https://doi.org/10.35719/fenomena.v15i2.482

Busriyanti, B. (2016). Islam dan lingkungan hidup: Studi terhadap *fiqh al-bi'ah* sebagai solusi pelestarian ekosistem dalam perspektif maqashid al-syari'ah. *Fenomena*. https://doi.org/10.35719/fenomena.v15i2.482

Costanza, R., d'Arge, R., de Groot, R., Farber, S., Grasso, M., Hannon, B., Limburg, K., Naeem, S., O'Neill, R. V., Paruelo, J., Raskin, R. G., Sutton, P., & van den Belt, M. (1997). The value of the world's ecosystem services and natural capital. *Nature, 387*, 253–260. https://doi.org/10.1038/387253a0

Darul Huda, M. V. P. (2025). How was environment reflected in early Islamic literature: A scientific analytical study. AL-IKHSAN: *Interdisciplinary Journal of Islamic Studies*. https://doi.org/10.61166/ikhsan.v3i1.90

Djazuli, 2006, *Kaidah-Kaidah Fikih: Kaidah-Kaidah Hukum Islam dalam Menyelesaikan Masalah-Masalah yang Praktis*, Jakarta: Kencana.

Djazuli, 2006. *Kaidah-kaidah Fikih*, Jakarta: Kencana.

Djazuli. (2006). Kaidah-kaidah fikih: Kaidah-kaidah hukum Islam dalam menyelesaikan masalah-masalah praktis. Jakarta: Kencana.

Foltz, Richard 2020. Muslim environmentalisms: religious and social foundations. By Anna M. Gade: 296-298.

Hamdi, F., Ladraa, K., Benjammour, M., Hafidzi, A., & Ilhami, H. (2025). Integrating maqasid al-sharia, *fiqh al-bi'ah*, and Islamic ethics for sustainable water management. Al-Ahkam: Jurnal Ilmu Syari'ah dan Hukum. https://doi.org/10.22515/alahkam.v10i1.11277

Kamali, Mohammad Hashim 2015. *The middle path of moderation in Islam: The Qur'anic principle of wasatiyyah*. Oxford University Press

Khallâf Abd al-Wahhâb, 1978, *Ushûl al-fiqh*. Kuwait: Dâr al-Qalam.

Khallaf, A. W. (1978). Ushul al-fiqh. Kuwait: Dar al-Qalam.

Khan, A., & Al-Mansoori, A. (2023). Environmental ethics in Islam: The Qur'an perspective. Al-Awan.

Mohd Sukri, S. J. (2021). A framework on Prohibition of Animal Plasma in Halal Surimi Products (International Islamic Universiti Malaysia; Vol. 1). https://doi.org/t BPH 124 S584 2021

Nasr, S. H. 2003, *Islam, the Contemporary Islamic World, and the Environmental Crisis. In R. C.*

Odum, E. P., & Barrett, G. W. (2005). *Fundamentals of ecology* (5th ed.). Brooks/Cole.

Shihab, M. Q. (2006). Wawasan al-Qur'an: Tafsir maudhu'i atas pelbagai persoalan umat. Bandung: Mizan.

Steffen, W., Crutzen, P. J., & McNeill, J. R. (2007). The Anthropocene: Are humans now overwhelming the great forces of nature? *AMBIO: A Journal of the Human Environment, 36*(8), 614–621. https://doi.org/10.1579/0044-7447(2007)36[614:TAAHNO]2.0.CO;2

Waruwu, M. (2024). Pendekatan Penelitian Kualitatif: Konsep, Prosedur, Kelebihan dan Peran di Bidang Pendidikan. Afeksi: *Jurnal Penelitian Dan Evaluasi Pendidikan, 5(2), 198–211. https://doi.org/10.59698/afeksi.v5i2.236*